



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

TransKom

PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA
2021-2025

DKN
2030

Dasar Keusahawanan Nasional
"Negara Keusahawanan Unggul 2030"






TransKoM

PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA
2021 - 2025

Dokumen strategik menggariskan langkah-langkah transformasi bagi memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.





PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 diperkenalkan sebagai satu panduan untuk menyediakan pelan tindakan yang holistik bagi pembangunan Gerakan Koperasi di Malaysia yang hari ini dilihat berpotensi memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Pelan ini diharap menjadi anjakan kepada daya saing Gerakan Koperasi di waktu kita berhadapan persaingan ekonomi global, yang semakin mencabar. Menangani cabaran ini, Gerakan Koperasi perlulah memfokuskan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

Proses transformasi ini akan melibatkan pembangunan asas yang kukuh dan berstruktur dalam Gerakan Koperasi bagi membina momentum untuk memacu pertumbuhan dan peningkatan prestasi yang cemerlang. Dengan keanggotaan melebihi 6 juta orang, sektor koperasi merupakan platform terbaik untuk meningkatkan tahap pendapatan dan sosioekonomi masyarakat.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pelan ini dapat memberikan manfaat yang lebih besar dan menyeluruh kepada kesejahteraan anggota koperasi. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di atas penghasilan TransKoM.



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
PERDANA MENTERI





➤ KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dalam usaha untuk memperkasakan Gerakan Koperasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, pembangunan sektor koperasi akan diperhebat sebagai medium untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi masyarakat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Galakan berterusan akan diberi bagi menangani isu berkaitan peningkatan kos sara hidup bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi serta memudahcara perniagaan yang boleh menghasilkan pulangan yang tinggi.

Untuk tujuan ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 - 2025 yang menjadi asas dalam merangka hala tuju pembangunan Gerakan Koperasi negara.

TransKoM 2021 - 2025 merupakan dokumen transformasi strategik yang menggariskan matlamat, sasaran dan langkah strategik serta program utama/ aktiviti yang akan dilaksanakan bagi memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia. Kejayaan proses transformasi ini bergantung kepada bantuan, kerjasama dan usaha baik daripada semua pihak berkepentingan.

Permulaan tempoh pelaksanaan TransKoM merupakan fasa yang mencabar kerana negara berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi luar jangkaan dan ledakan arus perubahan teknologi Industri 4.0. Justeru, adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pelan ini bertindak sebagai pemangkin kepada proses transformasi ekonomi inklusif dan melakarkan kejayaan yang lebih gemilang bagi Gerakan Koperasi yang boleh kita semua banggakan.

Saya percaya seluruh anggota Gerakan Koperasi bersedia menyahut cabaran untuk sentiasa kekal relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi harapan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan.



YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI



“

Koperasi adalah penyumbang ketiga kepada ekonomi negara selepas sektor Kerajaan dan swasta dengan mempunyai jutaan anggota di seluruh negara, serta aset yang bernilai berbilion ringgit. Ini bermakna koperasi mempunyai potensi besar untuk dibangunkan selain prospek untuk mempertingkatkan koperasi juga amat luas.

”

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD.YASSIN
Perdana Menteri

BAB 1

► LANDSKAP GERAKAN KOPERASI	10
• Sejarah Gerakan Koperasi di Malaysia	12
• Evolusi Pembangunan Koperasi	14
• Definisi, Nilai, Prinsip Dan Matlamat Gerakan Koperasi Malaysia	16
• Klasifikasi Berdasarkan:	17
► Jenis Pendaftaran	17
► Saiz	17
► Fungsinya	18
► Kumpulan Sasar	20
• Agensi Induk Koperasi	22
► Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	22
► Institut Koperasi Malaysia (IKM)	23

BAB 2

► PERUNDANGAN, POLISI DAN PELAN TINDAKAN	24
• Dasar Sedia Ada	26
► Dasar Keusahawanan Nasional 2030	26
► Dasar Koperasi Negara 2011-2020	27
• Struktur Perundangan Koperasi Malaysia	28
► Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007	28
► Akta Koperasi 1993	29

BAB 3

► STATUS DAN PENCAPAIAN SEMASA KOPERASI MALAYSIA	30
• Perangkaan Am Gerakan Koperasi	30
► Pencapaian Gerakan Koperasi	32
► Sektor Perkhidmatan Kewangan	33
► Sektor Pemborongan dan Peruncitan	34
► Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani	35
► Sektor Perladangan	36
► Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan	37
► Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan	38
• Perangkaan Am Gerakan Koperasi dari tahun 2014-2019	39
► Bilangan Koperasi	39
► Modal Syer dan Yuran Koperasi	40
► Aset Koperasi	40
► Perolehan	41
► Keanggotaan Koperasi	41
• Impak Covid-19 Terhadap Aktiviti Ekonomi Koperasi	42

BAB 4

► ISU DAN CABARAN KOPERASI MALAYSIA	44
• Cabaran Utama	46

BAB 5

► PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA (TRANSKOM)	48
• Matlamat	51
• Bidang Tujahan Transformasi	52
• Pemetaan Cabaran Utama Kepada Bidang Tujahan	54
• Bidang Tujahan 1: Penerapan Nilai Kemakmuran Bersama	56
• Bidang Tujahan 2: Pemantapan Sistem Perundangan dan Struktur Governan	58
• Bidang Tujahan 3: Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Modal Insan	60
• Bidang Tujahan 4: Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari	62
• Bidang Tujahan 5: Pemeraksanaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi	64
• Fasa Transformasi	70
• Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO)	72

BAB 6

► IMPAK TRANSFORMASI	76
-----------------------------	-----------



A hand in a dark suit sleeve holds a magnifying glass over a city skyline at night. The magnifying glass focuses on a specific building in the skyline, which is brightly lit with yellow and blue lights. The background is a blurred cityscape with many other buildings and lights.

BAB I :
**LANDSKAP
GERAKAN
KOPERASI**



SEJARAH GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA



Pengenalan Gerakan Koperasi oleh Kolonial Inggeris pada awalnya adalah bagi menyelesaikan masalah keberhutangan petani di luar bandar.

Amalan sistem pinjaman padi kunca atau *never-never system* yang membenarkan peminjam menjual hasil padi yang dituai kepada pemberi hutang di bawah harga pasaran telah menjadi faktor utama kepada masalah tersebut.

Pengenalan koperasi di bandar adalah bagi mewujudkan pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan menyimpan dan memberi pinjaman bagi mengurangkan keberhutangan yang serius dalam kalangan pegawai kerajaan dan pekerja swasta dengan menyediakan alternatif yang kompetitif kepada syarikat pemberi pinjaman swasta.

Kerajaan Kolonial Inggeris komited bagi mengurangkan masalah keberhutangan yang berlaku dalam kalangan pegawai dan pekerja kerana ia memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan yang dilaksanakan.

Pada tahun 1922, Majlis Perundangan Persekutuan (*The Federal Legislative Council*) meluluskan Enakmen Koperasi yang membolehkan pendaftaran koperasi untuk menggalakkan kepentingan ekonomi anggotanya.

Jabatan Syarikat Kerjasama atau *Department of Co-operative Societies* telah ditubuhkan di Taiping, Perak sebelum berpindah ke Bangunan Hong Kong and Shanghai Bank, Kuala Lumpur dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1924.

Sir Alexander Cavendish, telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Syarikat Kerjasama yang pertama dan juga Pendaftar Syarikat Kerjasama.

SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI BANDAR DAN KOPERASI LUAR BANDAR.

1

Penubuhan koperasi bermula daripada keperluan rakyat merangkumi masyarakat bandar dan luar bandar.



2

1922

- ▶ Enakmen Koperasi (*Co-operative Societies Enactment 1922*) diluluskan
- ▶ Koperasi pertama yang didaftarkan di Malaysia adalah koperasi kredit bandar, Syarikat Bekerjasama-Sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja- Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad atau *The F.M.S Post and Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society Limited* yang didaftarkan pada 21 Julai 1922.


3

1923

- ▶ Koperasi luar bandar pertama adalah Syarikat Bekerjasama-sama Pinjaman Wang Luar Bandar Tebok Haji Musa atau *The Tebok Haji Musa Rural Co-operative Credit Society*, Parit Buntar Krian, Perak.



EVOLUSI PEMBANGUNAN KOPERASI





11

2007

Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dikuatkuasakan.




10

1993

Akta Koperasi 1993 dikuatkuasakan bagi menggantikan Ordinan Syarikat Koperasi 1948.

- Galakan penubuhan
 - Koperasi bandar
 - Koperasi luar bandar
 - Koperasi di bawah agensi Kerajaan



7

1971

Penubuhan Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

2008

Jabatan Pembangunan Koperasi diperbadankan dan dikenali sebagai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

12

**1985**

Pewujudan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK)

9



8

1982

Era Baharu Koperasi

- Program Pembasmian Kemiskinan secara dinamik dan efektif.



➤ DEFINISI, NILAI, PRINSIP DAN MATLAMAT GERAKAN KOPERASI MALAYSIA

1



DEFINISI KOPERASI

- ▶ Koperasi adalah pertubuhan berautonomi yang ditubuhkan secara sukarela oleh sekumpulan individu bagi memenuhi kehendak dan aspirasi bersama dalam ekonomi, sosial dan budaya melalui perniagaan yang dimiliki bersama dan ditadbir secara demokrasi.

*Sumber: Perhimpunan Agung International Cooperative Alliance (ICA), 1995

2



NILAI-NILAI KOPERASI

- ▶ Membantu diri sendiri
- ▶ Bertanggungjawab ke atas diri sendiri
- ▶ Demokrasi
- ▶ Kesamarataan
- ▶ Keadilan dan perpaduan
- ▶ Percaya kepada nilai etika kejujuran
- ▶ Keterbukaan
- ▶ Tanggungjawab sosial
- ▶ Prihatin terhadap orang lain

3



PRINSIP KOPERASI

- ▶ Keanggotaan sukarela dan terbuka
- ▶ Kawalan secara demokratik oleh anggota
- ▶ Penglibatan anggota dalam aktiviti ekonomi koperasi
- ▶ Autonomi dan kebebasan
- ▶ Pendidikan, latihan dan maklumat
- ▶ Kerjasama antara koperasi
- ▶ Mengambil berat terhadap masyarakat

4



MATLAMAT GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

- ▶ Memberi fokus kepada kesejahteraan anggota melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi dan keusahawanan
- ▶ Membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar

➤ KLASIFIKASI BERDASARKAN JENIS PENDAFTARAN

3 JENIS KOPERASI YANG BOLEH DIDAFTARKAN

KOPERASI **ATASAN**

Terdiri daripada koperasi menengah sahaja atau koperasi menengah dan asas dengan matlamatnya untuk memudahkan operasi koperasi-koperasi sedemikian.
[Subseksyen 4(3) Akta Koperasi 1993]

KOPERASI **MENENGAH**

Terdiri daripada koperasi-koperasi asas sahaja dan matlamatnya ialah untuk memudahkan operasi koperasi-koperasi sedemikian.
[Subseksyen 4(2) Akta Koperasi 1993]

KOPERASI **ASAS**

Terdiri daripada orang-orang individu sahaja dengan matlamat untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggota mengikut prinsip-prinsip koperasi.
[Subseksyen 4(1) Akta Koperasi 1993]

➤ KLASIFIKASI BERDASARKAN SAIZ



KOPERASI
BESAR

➤ **RM5 juta**
dan ke atas



KOPERASI
KECIL

➤ Antara
**RM200,000 –
RM1 juta**



KOPERASI
SEDERHANA

➤ Antara
**RM1 juta -
RM5 juta**



KOPERASI
MIKRO

➤ **RM200,000
ke bawah**

➤ KLASIFIKASI BERDASARKAN FUNGSI



1 | PERBANKAN

- Menyediakan perkhidmatan asas perbankan seperti penerimaan deposit/ simpanan daripada anggota dan bukan anggota, menyediakan pembiayaan peribadi dan korporat serta lain-lain perkhidmatan perbankan tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia.



2 | KREDIT

- Menyediakan kemudahan kredit atau pinjaman/ pembiayaan kepada anggota dan penerimaan simpanan dalam bentuk yuran bulanan.



3 | PERTANIAN

- Melaksanakan aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perladangan komoditi.



4 | PERUMAHAN

- Melaksanakan pembangunan hartanah termasuk pembinaan rumah kediaman, bangunan, lot komersial dan infrastruktur berkaitan.



5 | PERINDUSTRIAN

- Melaksanakan aktiviti berasaskan industri pembuatan dan pengilangan termasuk industri asas tani.



6 | PENGGUNA

- Menyediakan barangan dan keperluan pengguna termasuk kedai runcit, pasaraya, stesen minyak, restoran, katering dan pemiagaan kantin.



7 | PEMBINAAN

- Melaksanakan pembinaan infrastruktur baharu, pengubahsuaian dan pembaikan seperti jambatan, jejantas, jalan raya dan sebagainya.



8 | PENGANGKUTAN

- Menjalankan aktiviti berasaskan pengangkutan penumpang dan hasil pertanian/peladangan melalui darat, air dan udara.



9 | PERKHIDMATAN

- Menyediakan perkhidmatan seperti penyelenggaraan bangunan/infrastruktur, sewaan bangunan/lot gerai/tapak pemiagaan, pusat latihan/pendidikan, pusat penjagaan warga emas/asuhan kanak-kanak, hospital/klinik/pusat dialisis, *homestay* dan hotel.



KLASIFIKASI BERDASARKAN KUMPULAN SASAR

Penubuhan koperasi dikategorikan mengikut 68 Kumpulan Sasar iaitu:

PENDIDIKAN

1. Institusi Kemahiran
2. Institusi Pendidikan Guru (IPG)
3. Kolej Matrikulasi
4. Kolej Swasta
5. Kolej Vokasional
6. Pusat Latihan Awam
7. Politeknik
8. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
9. Sekolah Berasrama Penuh (AGAMA)
10. Sekolah Berasrama Penuh (MRSM)
11. Sekolah Berasrama Penuh (SBP)
12. Sekolah Kerajaan Harian
13. Sekolah Menengah Teknik
14. Sekolah Pendidikan Khas
15. Sekolah Seni
16. Sekolah Sukan
17. Sekolah Swasta
18. Universiti Awam
19. Universiti Swasta

GABUNGAN KOPERASI

1. Gabungan Atasan (APEX)
2. Gabungan Koperasi Dewasa
3. Gabungan Koperasi Sekolah

68

KUMPULAN SASAR

KUMPULAN KHAS

1. Belia
2. Ibu Tunggal
3. Keluarga
4. Wanita
5. Orang Asli
6. Mualaf
7. Orang Kelainan Upaya (OKU)
8. Suku Kaum

PEKERJAAN

1. Profesional
2. Ahli Sukan
3. Guru
4. Nelayan
5. Pekerja Kilang
6. Pekerja Ladang
7. Peladang/ Petani
8. Pemandu
9. Pemborong/Peruncit
10. Penjaja dan Peniaga Kecil
11. Penternak
12. Pekerja Syarikat
13. Pesara
14. Usahawan
15. Industri Kecil

KOMUNITI SOSIAL

1. Kariah Masjid
2. Alumni
3. Rumah Ibadat Lain
4. Penduduk Kampung
5. Penduduk Pangsapuri/ Flat/ Rumah Panjang
6. Penduduk Taman
7. Petempatan

AGENSI AWAM DAN SWASTA

1. Syarikat Berkaitan Kerajaan
2. Kakitangan Badan Berkanun Negeri
3. Kakitangan Badan Berkanun Persekutuan
4. Pekerja Beruniform
5. Pekerja Jabatan/Agensi
6. Kakitangan Kementerian
7. Kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
8. Lain-lain Kakitangan Kerajaan
9. Lain-lain Orang Awam
10. Persatuan
11. Kemajuan Tanah
12. KOBERA
13. Pekebun Kecil RISDA
14. Pembangunan Daerah
15. Peneroka FELDA
16. Peserta FELCRA

➤ AGENSI INDUK KOPERASI



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

PENUBUHAN



- ▶ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diperbadankan pada 1 Januari 2008, tarikh berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665].

OBJEKTIF



- ▶ SKM mengambil alih peranan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia dengan objektif untuk merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur berdasarkan nilai dan prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pertumbuhan sosioekonomi negara.

FUNGSI SKM



- ▶ Menggalak dan mengekalkan kestabilan sektor koperasi;
- ▶ Memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
- ▶ Menggalak dan mempromosi pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
- ▶ Memelihara nilai dan prinsip koperasi;
- ▶ Mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktiviti;
- ▶ Mendaftar dan membatalkan pendaftaran koperasi;
- ▶ Memegang amanah dan menguruskan skim pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi;
- ▶ Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berhubung koperasi dan sektor koperasi; dan
- ▶ Menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta.



PENUBUHAN

- ▶ Pada tahun 1968, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 yang diluluskan oleh Parlimen.
- ▶ IKM yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

PERANAN

- ▶ Penerapan identiti, nilai dan prinsip koperasi dalam kalangan anggota dan Ahli Lembaga Koperasi (ALK).
- ▶ Perkongsian ilmu perniagaan dan keusahawanan semasa.
- ▶ Penyelidikan berimpak tinggi dan adaptasi teknologi terkini.

FUNGSI IKM

- ▶ Menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan di peringkat sijil atau diploma.
- ▶ Menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- ▶ Menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;
- ▶ Menyediakan khidmat konsultasi.
- ▶ Menjalankan kursus, penyelidikan, khidmat nasihat dan perkhidmatan berteraskan ilmu atau bersama-sama secara bergabung secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau profesional atau mana-mana pertubuhan dalam dan luar negara.
- ▶ Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan pembangunan modal insan koperasi.

BAB 2 :

PERUNDANGAN, POLISI DAN PELAN TINDAKAN





DASAR SEDIA ADA

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL 2030 (DKN2030)



Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) merupakan strategi jangka panjang dalam menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan yang unggul menjelang 2030. Ia juga selaras dengan perancangan bagi menaik taraf sosioekonomi negara seperti yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. DKN2030 akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Lima (5) objektif utama telah ditetapkan di bawah DKN2030 iaitu:

5

- ▶ Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mampan.
- ▶ Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan.
- ▶ Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif
- ▶ Mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi.
- ▶ Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Enam (6) Teras Strategik di bawah DKN2030 adalah seperti berikut:

1

Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat

2

Mengoptimumkan Sistem Kawalselia dan Capaian Kepada Pembiayaan Kewangan

3

Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik

4

Memacu Pertumbuhan Ekonomi Melalui Perusahaan Berteraskan Inovasi

5

Memantapkan Keupayaan dan Prestasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

6

Mengantarabangsakan Perusahaan Berpertumbuhan Tinggi

DASAR KOPERASI NEGARA 2011-2020

- Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dirangka berdasarkan lima (5) teras utama dalam memperkasakan Gerakan Koperasi dari sudut makro dan mikro ekonomi negara. Ianya bermatlamat menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara dengan cara meningkatkan keyakinan umum terhadap Gerakan Koperasi menerusi kawal selia dan urus tadbir yang baik seterusnya berjaya melahirkan koperasi berwibawa, berdaya maju, kompetitif dan terlibat dalam ekonomi berimpak tinggi.

Sebagai pelengkap kepada Dasar Koperasi Negara 2010-2020, pelan pembangunan bagi sektor-sektor utama diwujudkan yang menggariskan beberapa inisiatif strategik dan pelan tindakan bagi dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun untuk mempercepatkan pencapaian sasaran pendapatan koperasi merangkumi:

1

Pelan Pembangunan Sektor
Perkhidmatan Kewangan
Koperasi 2016-2020

2

Pelan Pembangunan Sektor
Pemborongan dan
Peruncitan 2016-2020

3

Pelan Pembangunan Sektor
Pertanian dan Industri Asas
Tani 2016-2020

4

Pelan Pembangunan Hartanah
dan Industri Pembinaan
Koperasi 2016-2020

5

Pelan Strategik
Pembangunan Koperasi
Kariah Masjid 2017-2020

Memandangkan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dan pelan-pelan pembangunan di bawahnya telah pun berakhir pada tahun 2020, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) akan membangunkan sebuah dasar koperasi baharu yang menyeluruh dan holistik.

➤ STRUKTUR PERUNDANGAN KOPERASI MALAYSIA

Terdapat dua (2) akta utama di dalam sistem perundangan koperasi di Malaysia pada masa ini iaitu;

AKTA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA 2007

▶ Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan perkara-perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya. Akta ini memperincikan antara lain;

1
Penubuhan Suruhanjaya dan objektif Suruhanjaya

2
Tugas dan komposisi ahli lembaga pengarah

3
Kuasa dan fungsi penubuhan Suruhanjaya

4
Peruntukan berkenaan pegawai dan pekerja Suruhanjaya

5
Peruntukan berkenaan kumpulan wang dan akaun

6
Peruntukan berkenaan penyiasatan, pengeledahan dan penyitaan

Di samping Akta, Gerakan Koperasi juga dikawalselia melalui:

PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH SURUHANJAYA


▶ Seksyen 86. (1) dan Seksyen 86A Akta Koperasi 1993 memberi kuasa kepada Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan dan perintah, mengikut turutan, sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau memberikan kuat kuasa kepada prinsip dan peruntukan Akta ini.

ARAHAN, GARIS PANDUAN, SURAT PEKELILING DAN NOTIS

▶ Seksyen 86B. (1) pula memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengeluarkan arahan, garis panduan, surat pekeliling atau notis berkenaan dengan mana-mana peruntukan Akta Koperasi 1993 termasuk perkara yang dinyatakan dalam Jadual yang perlu atau suai manfaat untuk memberi kuat kuasa sepenuhnya kepada atau untuk menjalankan mana-mana peruntukan Akta ini.

AKTA KOPERASI 1993

- Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penubuhan, pendaftaran, pengawalan dan pengawalseliaan koperasi. Akta ini memperincikan antara lain;



UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

- Setiap koperasi hendaklah menyediakan Undang-Undang Kecil koperasi sendiri untuk didaftarkan dan menurut peruntukan Seksyen 17 Akta Koperasi 1993, Undang-Undang Kecil ini hendaklah mengikat Koperasi dan anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-Undang Kecil ini telah ditandatangani oleh tiap-tiap anggota dan mengandungi waad pada pihak tiap-tiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi penggantinya untuk mematuhi segala peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

BAB 3 :
**STATUS DAN
PENCAPAIAN
SEMASA KOPERASI
MALAYSIA**



➤ PERANGKAAN AM GERAKAN KOPERASI

Pencapaian Gerakan Koperasi

Secara keseluruhannya, aliran ekonomi Gerakan Koperasi di Malaysia menunjukkan peningkatan yang positif saban tahun. Sehingga Disember 2019, sumbangan Gerakan Koperasi melalui pengumpulan modal syer dan yuran adalah sebanyak RM15.38 bilion, dengan penajaan aset berjumlah RM146.78 bilion dan perolehan mencecah RM45.79 bilion.

5 Indikator Utama

14,625
Bilangan Koperasi



6.10 JUTA
Jumlah Anggota



RM 15.39B
Jumlah Modal Syer / Yuran



RM 146.78B
Jumlah Aset



RM 45.79B
Perolehan



SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN

Sektor perkhidmatan kewangan koperasi yang meliputi aktiviti koperasi perbankan/coopbank, pinjaman kredit, mikro kredit dan pajak gadai Islam ar-rahnu adalah penyumbang terbesar kepada keseluruhan perolehan Gerakan Koperasi.

Berdasarkan perangkaan tahun 2019, perolehan sektor perkhidmatan kewangan koperasi menyumbang RM38.09 bilion iaitu 83% dari keseluruhan perolehan Gerakan Koperasi bagi tahun 2019 yang berjumlah RM45.79 bilion.

Pencapaian sebanyak **RM38.09 Bilion** pada 2019



➤ SEKTOR PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

Komitmen Gerakan Koperasi dalam menyahut agenda bagi melonjakkan pembangunan negara melalui “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat” diaplikasikan melalui salah satu fokus utama iaitu Sektor Pemborongan dan Peruncitan.

Penglibatan koperasi dalam sektor ini yang berasaskan *members-owned*, *members-produced* dan *members-consumed* telah berjaya melahirkan nama-nama besar seperti Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad, Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad dan Koperasi Perwaja Kemaman Berhad.

Kemampuan ini membuktikan kekuatan koperasi untuk bersaing dalam mendepani cabaran ekonomi global.

Pencapaian sebanyak

RM1.83 Bilion

pada 2019



➤ SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Pencapaian koperasi dalam Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM64.50 juta pada tahun 2018 kepada RM0.07 bilion pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah sumbangan daripada sub-aktiviti pertanian seperti perikanan dan akuakultur serta penternakan yang bernilai sebanyak RM59.7 juta. Selain itu, sub-aktiviti pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan turut menyumbang sebanyak RM12.96 juta.

Pencapaian sebanyak

RM0.07 Bilion

pada **2019**



➤ SEKTOR PERLADANGAN

Pada 2019, sektor perladangan koperasi menjana perolehan sebanyak RM572.20 juta dengan sub-aktiviti pengurusan ladang menjadi penyumbang terbesar iaitu RM473.17 juta bagi tahun 2019. Sektor Perladangan terus diperkukuh melalui beberapa program pembangunan khususnya program *Mentoring & Coaching* dan program kesedaran pensijilan kualiti hasil ladang. Tumpuan juga akan diberikan kepada usaha mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MPSO) dalam kalangan koperasi perladangan.

Pencapaian sebanyak 
RM572.20 juta
pada 2019



➤ SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH DAN INDUSTRI PEMBINAAN

Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan adalah antara penyumbang utama kepada perolehan Gerakan Koperasi. Sektor ini menumpukan kepada beberapa sub-sektor seperti berikut:

- ▶ Pemilikan Bangunan Komersil dan Kediaman
- ▶ Pelaburan Hartanah
- ▶ Pemilikan dan Pajakan Tanah
- ▶ Industri Pembinaan
- ▶ Pembekalan Bahan Binaan

Pada tahun 2019, Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan Koperasi telah menyumbang sebanyak RM4.95 bilion berbanding RM2.68 bilion pada tahun 2018.

Pencapaian sebanyak 
RM4.95 Bilion
pada 2019



➤ SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN

Pada tahun 2019, pendapatan koperasi melalui Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan telah meningkat kepada RM0.29 bilion berbanding RM0.26 bilion pada tahun 2018.


Pencapaian sebanyak

RM0.29 Bilion

pada 2019



➤ BILANGAN KOPERASI DARI TAHUN 2014 - 2019




Sehingga 31 Disember 2019, statistik merekodkan sebanyak 14,625 koperasi telah didaftarkan dengan kekuatan 6.09 juta anggota, modal syer dan yuran berjumlah RM15.39 bilion serta aset bernilai RM146.78 bilion. Daripada jumlah koperasi berdaftar, sebanyak 9,397 (64%) adalah koperasi aktif, 3,094 (21%) koperasi dormant dan 2,134 (15%) koperasi tidak aktif.

Koperasi dormant ditakrifkan sebagai koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dan tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaunnya tidak diaudit bagi tempoh yang lebih daripada tiga tahun. Manakala koperasi tidak aktif pula adalah koperasi yang tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam tempoh tiga tahun berturut-turut tetapi masih mengadakan mesyuarat agung tahunan dan akaunnya diaudit dalam tempoh tersebut.


Koperasi yang tidak aktif dan dormant perlu dibantu untuk dipulihkan dan diperkenalkan kepada aktiviti perniagaan yang berpotensi bagi memacu keyakinan anggota di samping menyumbang kepada pendapatan ekonomi negara.

➤ MODAL SYER & YURAN GERAKAN KOPERASI DARI TAHUN 2014 - 2019




Pada tahun 2019, modal syer dan yuran Gerakan Koperasi berjumlah RM15.39 bilion berbanding RM13.47 bilion pada tahun 2014. Ini menunjukkan pertumbuhan pada kadar purata 2.56%, seiring dengan pertambahan bilangan koperasi didaftarkan setiap tahun.

➤ ASET GERAKAN KOPERASI DARI TAHUN 2014 - 2019



Aset Gerakan Koperasi pada tahun 2019 berjumlah RM146.77 bilion berbanding RM116.79 bilion pada tahun 2014. Kadar purata peningkatan aset dalam tempoh tersebut adalah sebanyak 4.69% setahun.

PEROLEHAN DARI TAHUN 2014 - 2019



Seiring dengan pertambahan jumlah koperasi berdaftar, peningkatan jumlah perolehan koperasi juga turut bertambah. Data dari tahun 2014 hingga 2019 menunjukkan peningkatan perolehan iaitu sebanyak RM32.97 bilion pada tahun 2014 kepada RM34.95 bilion pada tahun 2015. Sehingga tahun 2019, perolehan pendapatan koperasi terus meningkat sehingga RM45.8 bilion berbanding sebanyak RM40.24 bilion pada tahun sebelumnya.

KEANGGOTAAN KOPERASI DARI TAHUN 2014 - 2019



Bagi tempoh antara 2014 sehingga 2019, bilangan anggota koperasi menunjukkan tren menurun daripada 7.41 juta (2014) kepada 6.10 juta (2019). Ini disebabkan oleh proses pengemaskinian data anggota koperasi dalam Sistem Profil Anggota Koperasi (ESISPRO).

➔ IMPAK COVID-19 TERHADAP AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi Malaysia kesan dari pandemik COVID-19 yang telah memberi impak hebat ke atas ekonomi negara, termasuk sektor koperasi.

Antara cabaran utama yang dihadapi akibat dari penularan wabak ini adalah kekangan aliran tunai, pengurangan nilai jualan dan gangguan kepada rantai bekalan.

Aliran wang tunai merupakan cabaran paling utama kerana usahawan perlu menanggung kos operasi perniagaan seperti gaji pekerja, sewa premis, utiliti dan pembayaran balik pinjaman. Prestasi jualan juga menurun akibat kekurangan pelanggan, kekurangan sumber daya untuk menarik pelanggan baharu dan cabaran menyesuaikan strategi pemasaran bagi produk dan perkhidmatan alternatif. Cabaran-cabaran ini telah mempengaruhi ekonomi dan proses pemulihan sektor koperasi, yang memerlukan penerokaan model perniagaan yang lebih inovatif dalam menghadapi keperluan dan kehendak norma baharu.

Intervensi bersasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Pakej Rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN PKS, PENJANA, KITA PRIHATIN dan PERMAI telah banyak memberi manfaat bukan sahaja kepada pengusaha dan perniagaan, malah kepada semua lapisan masyarakat.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengambil inisiatif menerusi Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi bagi memastikan momentum perniagaan koperasi akan kembali stabil dalam tempoh 2020 sehingga 2021.

Pelan ini juga dapat membantu sektor koperasi berupaya kekal menjana pendapatan termasuk memudahkan permohonan pembiayaan tanpa cagaran di bawah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM).

Selain itu, sebagai pelengkap kepada pakej-pakej rangsangan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga telah menyediakan beberapa inisiatif bernilai RM1.099 bilion yang dapat memberi manfaat kepada lebih 14,000 koperasi berdaftar di seluruh negara. Inisiatif yang diperkenalkan adalah bagi membantu aliran tunai koperasi, menyediakan akses pembiayaan bagi memulihkan operasi koperasi dan membantu koperasi mematuhi perintah kawalan pergerakan (PKP).



BAB 4 :
**ISU DAN
CABARAN**



CABARAN UTAMA

Matlamat Malaysia untuk memperkasakan Gerakan Koperasi menuntut kepada penambahbaikan ekosistem pembangunan dan kawal selia koperasi. Strategi yang dirangka harus mengambil kira proses peralihan untuk mentransformasi Gerakan Koperasi secara menyeluruh dan holistik. Terdapat 10 cabaran utama yang dikenal pasti dan perlu ditangani melalui pelan ini agar ekosistem pembangunan dan kawal selia koperasi yang kondusif dapat diwujudkan bagi memperkasa Gerakan Koperasi untuk bersaing di peringkat nasional dan global.

1

Persepsi masyarakat



- ▶ Sebahagian masyarakat menganggap koperasi sebagai entiti perniagaan kelas kedua yang hanya dianggotai oleh golongan kelas bawahan. Persepsi ini perlu diubah memandangkan koperasi telahpun terlibat dan berjaya dalam pelbagai jenis aktiviti perniagaan.

2

Tadbir urus dan kawal selia



- ▶ Prestasi tadbir urus koperasi masih pada tahap tidak memuaskan kerana masih wujudnya salah laku, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam kalangan pihak pengurusan dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

3

Fungsi dan peranan badan induk



- ▶ Program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh badan induk dalam ekosistem pembangunan koperasi kurang berkesan dan perlu diperkukuhkan.

4

Penglibatan anggota koperasi



- ▶ Semangat 'ownership' perlu dipertingkatkan melalui keterlibatan anggota yang lebih aktif dalam aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh koperasi.


5

Penyertaan golongan muda dan profesional



- ▶ Penglibatan golongan muda dan profesional dalam Gerakan Koperasi masih rendah dan perlu dipertingkatkan.

6

**Keseimbangan pertumbuhan dan prestasi antara koperasi**

- ▶ Sektor perkhidmatan mendominasi nilai sumbangan perolehan koperasi berbanding sektor-sektor lain. Selain itu, koperasi dalam kluster besar walaupun dalam jumlah yang kecil telah menyumbang angka yang signifikan dalam perolehan dan prestasi koperasi secara keseluruhannya.

7

**Keupayaan, kemampuan dan kepakaran keusahawanan**

- ▶ Majoriti ALK bertindak sebagai pentadbir aktiviti koperasi. Pengetahuan dan pengalaman pemiagaan yang rendah dalam kalangan ALK, menyebabkan kurang penerokaan dalam aktiviti pemiagaan baharu sektor koperasi.

8

**Akses dan jangkauan kepada pasaran**

- ▶ Kaedah pemasaran yang dipraktiskan oleh koperasi didapati masih bersifat konvensional dan kurang mengaplikasikan kepesatan pembangunan teknologi. Ia termasuklah dari sudut pembangunan dan pemasaran produk.

9

**Jaringan kerjasama dan kolaborasi**

- ▶ Kerjasama antara koperasi dalam aktiviti ekonomi didapati masih rendah. Jaringan kerjasama melalui penggabungan aktiviti atau entiti perlu diutamakan bagi membentuk sinergi.

10

**Mekanisma pemantauan dan pengukuran**

- ▶ Kejayaan sesebuah koperasi perlu diukur bukan sahaja dari sudut keupayaan menjalankan aktiviti pemiagaan tetapi juga keupayaan menjadi wahana untuk mencipta kemakmuran bersama dan mengurangkan jurang pendapatan rakyat.

